

**KEBERKESANAN HUBUNGAN DI ANTARA SISWA-SISWI  
DENGAN PENSYARAH DALAM PENINGKATAN  
PRESTASI AKADEMIK DI UiTM KAMPUS  
SAMARAHAN SARAWAK**

**OLEH:**

**MOHAMAD NIZAM BUJANG (97348587)**

**FLORENCE BISO (97348084)**

**KURSIAH SABIA (98049002)**

**LIZA BABA (98049027)**

**ZAINAB ABU BAKAR (98163552)**

**Kertas projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan  
Undang-undang di Universiti Teknologi Mara untuk  
memenuhi sebahagian dari syarat memperolehi  
Diploma Pentadbiran Awam**

**SEPTEMBER 2001**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Penghargaan</b>	<b>iv</b>
<b>Abstrak</b>	<b>vi</b>
<b>Senarai Jadual dan Rajah</b>	<b>ix</b>

## **BAB 1 PENGENALAN**

<b>1.1 Latar Belakang Kajian</b>	<b>1</b>
<b>1.2 Penyata Masalah</b>	<b>3</b>
<b>1.3 Objektif Kajian</b>	<b>6</b>
<b>1.4 Skop Kajian</b>	<b>7</b>
<b>1.5 Hipotesis Kajian</b>	<b>8</b>
<b>1.6 Kepentingan Kajian</b>	<b>8</b>
<b>1.7 Ulasan Kajian</b>	<b>10</b>
<b>1.8 Kaedah Kajian</b>	<b>13</b>
<b>1.9 Halangan Kajian</b>	<b>15</b>
<b>1.10 Andaian</b>	<b>17</b>
<b>1.11 Susunan Bab</b>	<b>18</b>

## **BAB 2 PERUNDANGAN**

<b>2.1 Pengenalan</b>	<b>20</b>
<b>2.2 Undang-undang Malaysia-Akta Pendidikan 1996 ( Akta 550 )</b>	<b>21</b>
<b>2.3 Akta Pendidikan 174</b>	<b>23</b>

## **ABSTRAK**

Pantun Melayu lama turut menyentuh tentang dunia pendidikan. Antara pantun yang popular ialah;

Berburu ke padang datar,  
Dapat rusa berbelang kaki,  
Berguru kepalang ajar,  
Bagai bunga kembang tak jadi.

Maksud tersirat di sebalik pantun ini ialah para pendidik seperti guru atau pensyarah diamanahkan untuk menyampaikan ilmu kepada anak didiknya. Mereka bertungkus-lumus dan memerah idea serta keringat untuk mencerahkan ilmu dengan sebaik mungkin kepada pelajarnya agar mereka berjaya dengan cemerlang. Mereka mengajar dengan ikhlas tanpa mengenal erti jemu. Tetapi, malangnya ilmu yang disampaikan hanya dipandang dengan sebelah mata dan langsung tidak dihargai oleh anak didiknya, seumpama mencerahkan air ke daun keladi, masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. Anak didiknya tidak mengaplikasikan ilmu yang dipelajari sebaliknya hidup bagaikan orang yang tidak berilmu. Akhirnya mereka kecundang dan gagal di dalam kehidupan. Kesilapan yang wujud di sini ialah betapa pendidik berusaha mencerahkan ilmu, “berguru kepalang ajar” tetapi pelajarnya langsung tidak menghargai dan akhirnya ia diibaratkan bagai bunga kembang tak jadi.

Para pensyarah sedaya upaya mencerahkan ilmu mereka kepada siswa-siswi supaya mereka cemerlang di dalam prestasi akademik, memperolehi pekerjaan yang baik serta gaji yang lumayan dan dapat berkhidmat untuk kesejahteraan nusa dan bangsa. Para

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Ahli-ahli psikologi, sosiologi, pendidikan dan bidang-bidang yang lain telah banyak membuat kajian dan penyelidikan mengenai hubungan di antara pelajar-pensyarah dalam peningkatan prestasi akademik. Kajian seperti ini bukanlah perkara yang baru kita dengar, bahawasanya ramai ahli penyelidik cuba untuk menghuraikannya secara lebih terperinci kepada masyarakat terutamanya kepada golongan pelajar – pensyarah.

Latar belakang kajian akan lebih tertumpu kepada hubungan yang positif mampu mempengaruhi akademik para pelajar. Perhubungan yang baik akan menjadikan corak atau suasana pembelajaran akan menjadi ceria. Keceriaan sesuatu keadaan kelas adalah terbit daripada keakraban hubungan yang terjalin di antara pelajar dan pensyarah itu sendiri.

Hubungan yang tidak baik dan tiada kemesraan yang terjalin di antara pelajar dan pensyarah menyebabkan suasana pembelajaran menjadi tegang. Ia mampu mengugat prestasi akademik pelajar.

Faunce ( 1984 : 7 ) menyatakan bahawa pencapaian di sekolah sering dikaitkan status sosial yang kita boleh klasifikasikan sebagai hubungan di antara pelajar dan guru itu sendiri. Kajian ini menunjukkan kecemerlangan pencapaian akademik pelajar akan memberikan nama baik kepada sekolah tersebut. Perkara ini tidak hanya terjadi di sekolah malah ia juga berlaku di peringkat Institusi Pegajian Tinggi.

## **1.7 ULASAN KARYA**

Kajian-kajian lepas juga dikenali sebagai kajian lepas. Tinjauan lepas berfungsi untuk mengenalpasti hipotesis yang digunakan untuk menjalankan kajian. Ia juga berfungsi untuk mengenalpasti perubahan-perubahan kritikal yang berlaku di sekeliling. Melalui kajian-kajian lepas kita dapat memahami apa yang dimaksudkan dengan perubahan dan kajian yang pernah dilakukan.

Ciri-ciri kajian lepas yang baik menjamin ketepatan kenyataan yang dibuat ke atas kajian yang dijalankan. Ini adalah kerana ia mengenalpasti pelbagai sumber yang sudah disiarkan ataupun yang tidak disiarkan. Justeru itu sumber maklumat yang relevan dapat dikemukakan. Kita akan dapat menilai dan berpeluang untuk menggunakan maklumat itu untuk kajian.

### **a. Kajian Luar Negeri**

Merujuk kepada Ursula K. Le Guin , et.al ( 1993 ) menerangkan bahawa tanggapan dan cara pemikiran bukanlah masalah utama dalam pembangunan pembelajaran. Ia lebih berkisar tentang perhubungan yang baik.<sup>2</sup>

Selain itu Cooper dan Galuinci ( 1983 : 95 ) menyatakan bahawa pensyarah adalah satu objek yang nyata di dalam kelas. Mereka mempengaruhi komunikasi di dalam kelas. Pensyarah mempamerkan corak atau sikap positif , hormatkan pelajar, memperlakukan pelajarnya dengan penuh toleransi dan kemuliaan. Justeru itu para pelajar akan turut memberi tindak balas yang positif dan akan mempamerkan sikap yang positif.

---

<sup>2</sup> Joe L. Kincheloe , Shirley R. Steinberg, Leila E. Villaverde, “ *Rethinking Intelligence.* ” New York and London ; 1999, pages 191.